

25 SEP 2001

Myanmar-Tiba

PEMIMPIN MYANMAR JEN THAN SHWE TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari ke Malaysia bagi meningkatkan lagi hubungan diplomatik dan ekonomi.

Ketibaan Than Shwe disambut di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) Sepang oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Turut serta dalam rombongan beliau ialah isterinya Daw Kyaing Kyaing dan lima orang menteri serta beberapa pegawai kanan kerajaan.

Lawatan pemimpin Myanmar itu adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke nagara itu pada Januari lepas.

Semasa di sini Than Shwe dijadualkan mengunjungi Dr Mahathir dan berbincang mengenai isu-isu dua hala dan serantau. Mesyuarat peringkat delegasi juga dijadual diadakan untuk membincangkan langkah-langkah bagi mengukuhkan lagi perhubungan.

Dr Mahathir akan meraikan pemimpin Myanmar itu dan rombongannya pada majlis makan malam di Seri Perdana, Putrajaya malam ini.

Esok Than Shwe akan berlepas ke Langkawi untuk melihat projek pembangunan di pulau peranginan itu sebelum berlepas pulang ke Yangon pada hari Khamis.

-- BERNAMA

AKT MFJ NMO